

09 SEP 2002

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat PramaJlis BN

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat pramaJlis anggota-anggota Parlimen Barisan Nasional.

Perjumpaan tertutup selama sejam itu diadakan sempena mesyuarat ketiga penggal keempat Dewan Rakyat yang bersidang mulai hari ini hingga 12 Nov depan.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir antara lain membangkitkan mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan perlunya anggota Parlimen Barisan Nasional memainkan peranan masing-masing untuk menyemak daftar pemilih.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai perlunya anggota jawatankuasa Barisan Nasional Bahagian menganggotai Jawatankuasa Pemabangunan Daerah.

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai Belanjawan Negara 2003 yang akan dibentangkan pada 20 Sept ini.

-- BERNAMA

RZS RZS LAT